



Pengiktirafan Taman Negara Johor Endau Rompin tingkat imej sebagai kawasan konservasi penting di Johor.
(Foto hiasan)

Taman Negara Johor Endau Rompin calon ASEAN Heritage Park

Kuala Lumpur: Taman Negara Johor Endau Rompin (TNJER) dicalonkan sebagai ASEAN Heritage Park (AHP) pada Mesyuarat Jemaah Menteri, kelmarin.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang berlangsung pada 7 Mac 2018 ber-setuju pencalonan taman negara itu sebagai AHP, sekaligus menjadikan pengiktirafan keempat bagi Malaysia selepas Taman Negara (Pahang, Kelantan dan Terengganu), Kinabalu National Park (Sabah) dan Gunung Mulu National Park (Sarawak).

"Pencalonan taman negara itu antara lain akan meningkatkan imej sebagai kawasan konservasi penting di Johor dan taman negara kedua di Semenanjung, memperkuatkan pengurusan TNJER bera-

saskan amalan pengurusan terbaik setaraf pengurusan kawasan perlindungan serantau dan antarabangsa.

"Selain itu, ia turut meningkatkan jaringan hubungan dan kerjasama antara kawasan perlindungan di dalam dan luar negara," katanya dalam kenyataan, semalam.

AHP adalah inisiatif kerjasama serantau untuk menguruskan jaringan kawasan perlindungan di rantau ASEAN yang mempunyai keunikan, kepelbagaiannya biologi dan nilai ekologi terpenting.

Perkara itu dipersetujui negara anggota ASEAN melalui *ASEAN Declaration on Heritage Parks and Reserves 1984* ditandatangani Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand pada 29 November 1984.

TNJER membabitkan lebih 90 peratus hutan hujan tropika dan ekosistem yang

masih terpulihara dengan hampir keseluruhan kawasan perlindungan dikelilingi rizab hutan simpan serta mengandungi 80 spesies tumbuhan diancam secara global tersenarai di bawah spesies terancam Senarai Merah IUCN, termasuk 38 spesies terancam kritis, 16 spesies terancam dan 26 spesies terdedah.

Selain itu, ia juga habitat penting bagi pemuliharaan mamalia besar yang terancam terutama Harimau Melayu (*Panthera tigris*), Malyan Tapir (*Tapirus indicus*), Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*) dan Gajah Asia (*Elephas maximus*).

Shamsul Anuar berkata, kementeriannya akan mengemukakan dokumen pencalonan taman itu sebagai AHP kepada Sekretariat AHP di Filipina untuk dipertimbangkan kumpulan kerja ASEAN dan kelulusan pada peringkat Menteri ASEAN pada 2021.

BH Ahad 13/12/2020
m/s/8